



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

TUJUH PERSATUAN PERNIAGAAN SAMBUT BAIK SUNTIKAN SOKONGAN PMKS BERNILAI RM80 BILION

PUTRAJAYA, 7 Januari – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YB Steven Sim Chee Keong hari ini memulakan siri mesyuarat libat urus pertama bagi tahun 2026 bersama para pemain industri dan pemegang taruh sektor Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Sesi ini melibatkan penyertaan daripada pimpinan tujuh (7) persatuan perniagaan yang terdiri daripada *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM), *Federation of Malaysia Business Association* (FMBA), Persatuan Pengurusan Kompleks (PPK), *Malaysia Retail Chain Association* (MRCA), *Malaysia Interior Industry Partner* (MIIP), *SME Association of Malaysia* dan *Malaysian Book Sellers Association*.

Pimpinan daripada persatuan perniagaan menyambut baik pengumuman yang telah dibuat oleh Perdana Menteri pada Isnin lalu khususnya berkenaan inisiatif menyokong pemerkasaan PMKS tempatan yang bernilai RM80 bilion.

Pertemuan tersebut turut membincangkan cabaran yang selama ini membelenggu komuniti perniagaan di Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan dalam pertemuan tersebut termasuklah akses kepada capaian modal, karenah birokrasi serta ekosistem ekonomi yang lebih kondusif.

Dalam mesyuarat tersebut, YB Steven Sim menegaskan bahawa segala kebimbangan dan cabaran yang dibangkitkan adalah selari dengan **Strategi ABCD** yang diperkenalkan beliau pada pertama hari beliau melaporkan diri di KUSKOP merangkumi **Anjakan Produktiviti, Birokrasi Dipermudah, Capaian Modal** dan **Daya Akses Pasaran**.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada semua pemimpin persatuan yang hadir dan menekankan bahawa maklum balas jujur daripada sektor swasta adalah kunci utama untuk kerajaan menambah baik dasar sedia ada serta merangka intervensi yang lebih berkesan dan berimpak tinggi.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
7 JANUARI 2026